

Utusan Malaysia 27/7/17 (Rabu)



AZAM BAKI menerima Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang daripada Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah di Balai Agung Seri, Istana Abu Bakar, Pekan, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN



MASHITAH MOHD. YUSOFF menerima Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang.



WARTAWAN sambutan *Utusan Malaysia*, Salehudin Mat Rasad menerima pingat Ahli Mahkota Pahang.

Tiga adinda Sultan Pahang antara 155 penerima pingat

Oleh **ZAMZURINA AHMAD**
utusanlkn@utusan.com.my

■ PEKAN 26 SEPT.

TIGA adinda Sultan Pahang mengetahui 155 individu menerima darjah kebesaran dan pingat Pahang sempena memulakan ulang tahun Hari Keputeraan Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar di sini hari ini.

Datuk Tengku Kalsom Sultan Abu Bakar, Datuk Tengku Norazah Sultan Abu Bakar dan Datuk Tengku Noor Ashikin Sultan Abu Bakar merupakan antara 13 penerima Darjah Sri Sultan Ahmad Shah (SSAP) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menyempurnakan istiadat pengurniaan Darjah dan pingat di Balai Agung Seri, Istana Abu Bakar.

Selain adinda Sultan Pahang, turut menerima darjah SSAP ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi Suruhanjaya Pencega-

han Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Azam Baki; Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji Plantation Berhad, Datuk Amran Mat Nor; Pengarah Eksekutif Kraken Interactive Sdn. Bhd., Datuk Raja Mohd. Firdaus Raja Zainal dan Pemilik serta Pengasas D'Herbs Holding Sdn. Bhd., Datuk Aliff Syukri Kamarzaman.

Tiga individu pula menerima Darjah Sri Indera Mahkota Pahang (SIMP) yang membawa gelaran Datuk Indera.

Penerima SIMP ialah Ketua Editor *Buletin Universiti Sains Malaysia* (USM), Prof. Datuk Dr. Rosihan Mohamed Ali; Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Pahang, Datuk Mustaffar Kamal Ab. Hamid dan Pengarah Urusan Kong & Kong Development Sdn. Bhd., Datuk Kong Tiam Ming.

Seramai tiga individu dianugerahkan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) dan 33 individu menerima Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa

gelaran Datuk.

Tiga penerima DSAP ialah Pengarah Kanan Seksyen Dana Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Syed Mohamed Koyakutty; Ketua dan Pakar Perunding Kanan (Obstetrik dan Ginekologi) Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Dr. Mohamad Farouk Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Pahang, Prof. Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Antara penerima DIMP ialah Komander Pangkalan Udara Labuan, Brigedier Jeneral Datuk Sardon Hassan; Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), M. Saedon Ab. Majid; Pengarah Penguat Kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Mohamed Radzuan Malek; Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik Jabatan Kerja Raya, Ir. Shuib Tabri dan Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Jenayah Sindiket) Ibu pejabat Po-

lis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman, Deputy Superintenden Saiful Azly Kamaruddin.

Penerima lain ialah Timbalan Pengarah Pengurusan Ibu pejabat PDRM Bukit Aman, Deputy Superintenden Mohd. Roze Shaari; Timbalan Asisten Ketua Staf, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Markas Tentera Udara, Brigedier Jeneral Muhammad Norazlan Aris; Pengerusi Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri, Ishak Mohd. Yusoff dan Pengarah Urusan Vision Works (M) Sdn. Bhd., Afdlin Shauki Aksan.

Seramai 12 orang pula menerima Darjah Setia Ahmad Shah Pahang (SAP), Darjah Setia Mahkota Pahang (SMP) (16 orang), Darjah Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) (10 orang) dan Ahli Mahkota Pahang (AMP) (18 orang).

Sembilan orang menerima Pingat Khidmat Cemerlang (PKC), 10 orang Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) dan 28 orang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK).